



PASUKAN bola jaring UMSKAL yang berjaya memenangi emas pada Kejohanan Sukan Staf UMS ke-14 Fasa 1 di Labuan, kelmarin.

UMSKAL raih 4 emas Sukan Staf UMS Fasa 1

UM 29.1.2014 26

LABUAN 28 Jan. - Kontinjen Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) muncul juara keseluruhan selepas meraih empat pingat emas dan tiga perak di Kejohanan Sukan Staf UMS ke-14 Fasa 1 yang berakhir kelmarin.

Kelebihan sebagai tuan rumah membolehkan atlet UMSKAL memenangi acara kayak, badminton, bola tampar wanita dan dart.

Kontinjen itu turut meraih tempat kedua dalam acara bola sepak pantai lelaki dan wanita serta sepak takraw veteran diikuti pasukan Hercules meraih dua emas dan satu gangsa.

Seramai 800 atlet mengambil bahagian dalam Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-14 Fasa 1 2014 yang diadakan Kampus UMS Antarabangsa Labuan

(UMSKAL) selama dua hari bermula 25 Januari lalu.

Mereka terdiri kakitangan dan pelajar UMS yang mewakili lapan kontinjen iaitu Hercules, Twin Tower, D'Arts, SPL Eagles, Royal Esteem, D'Six, Science United dan tuan rumah, IKAL.

Kejohanan tersebut mempertandingkan lapan acara sukan iaitu bola tampar wanita, bola sepak pantai, kayak, dart, catur, badminton, sepak takraw dan golf.

Majlis penutupan kejohanan itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Shariff Omang;

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd. Asyraf Foong Abdullah.

Sukan Staf UMS Ke-14 2014 Fasa 2 akan berlangsung di Kota Kinabalu pada 13 hingga 16 Februari ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr. Ismail Ali berkata, pihaknya berbangga dengan komitmen semua pihak terutama ahli jawatankuasa penganjur dan semua kakitangan UMS yang menjayakan kejohanan tiga hari itu.

"Kejohanan Sukan Staf UMS Fasa 1 berjalan lancar disebabkan kerjasama dan komitmen semua atlet dan pegawai UMS yang terbabit kali ini. Saya rakamkan ucapan penghargaan kepada semua warga UMSKAL yang menjayakan Sukan Staf Ke-14," katanya.